KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

BANTUAN KHAS KEWANGAN RM1,000 KEPADA PEMANDU BAS SEKOLAH: PEMILIK DAN PENGUSAHA DIMINTA MENGEMAS KINI MAKLUMAT SEGERA MELALUI PORTAL APAD

PUTRAJAYA, 15 OKTOBER 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mengambil maklum hasrat YAB Perdana Menteri agar penyaluran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000 kepada pemandu bas sekolah di seluruh negara dapat diselesaikan sebelum sambutan Perayaan Deepavali tahun ini.

2. Sehubungan itu, melalui libaturus bersama **Persekutuan Persatuan-Persatuan Bas Sekolah Malaysia dan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Kuala Lumpur dan Selangor,** beberapa langkah telah dipersetujui bagi memastikan proses semakan kelayakan dan pembayaran bantuan dapat dilaksanakan dengan teratur, tepat dan lancar.

3. Antara langkah yang akan dilaksanakan ialah semakan dan pengesahan semula data pemandu bas sekolah dalam pangkalan data APAD, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) serta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), termasuk status kesahan lesen memandu dan lesen vokasional (PSV) yang berkaitan, bagi memastikan maklumat penerima memenuhi keperluan kelayakan yang ditetapkan.

4. Dalam hal ini, pemilik dan pengusaha bas sekolah diminta memberikan kerjasama dengan memastikan maklumat pemandu masing-masing dikemas kini dan lengkap, merangkumi perkara berikut:

i. Nama dan alamat terkini pemandu;

ii. Nombor telefon pemandu;

iii. Maklumat lesen memandu yang masih sah laku;

iv. Maklumat lesen vokasional (PSV) yang masih sah laku; dan

v. Nombor akaun bank pemandu (penerima sahaja) bagi tujuan pembayaran bantuan.

5. Proses pengemaskinian maklumat boleh dilakukan melalui **Portal Rasmi APAD di https://bantuanpemandu.mot.gov.my** mulai **16 hingga 30 Oktober 2026**. **Pembayaran bantuan akan dilaksanakan secara berfasa mulai 22 Oktober 2026**.

6. APAD menyeru semua pemilik dan pengusaha bas sekolah agar mengambil tindakan segera dalam tempoh yang ditetapkan serta memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat, lengkap dan terkini. Kerjasama ini amat penting bagi melancarkan proses pengesahan kelayakan serta mempercepat penyaluran bantuan kepada pemandu bas sekolah yang layak.

7. APAD komited untuk bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini berjalan lancar demi kebajikan pemandu bas sekolah di seluruh negara, selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk membantu golongan yang terlibat dalam sektor pengangkutan awam.

##TAMAT##

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
15 OKTOBER 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat
Tel +603 2602 5060 (Talian Umum)
+603 2603 6690 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my